



Coming soon in June 2023. NewspaperSG will be refreshed with a new look and user experience. Stay tuned!

[Search Newspapers](#)[Browse Newspapers](#)

I am looking for

[Advanced Search ▾](#)[Home](#) > [Berita Harian](#) > [30 May 1964](#) > [Page 8](#) > PENDUDOK SG. RAMAL DALAM MERAYU KPD MB

PENDUDOK SG. RAMAL DALAM MERAYU KPD MB



Berita Harian, 30 May 1964, Page 8

Article also available on [Microfilm Reel NL4340](#)[^ Scroll to Top](#)[◀ Previous Article](#)[Next Article ▶](#)[◀ Previous Page](#)[Next Page ▶](#)

PENDUDOK SG. RAMAL DALAM MERAYU KPD MB

KAJANG, Juma'at. — **S**aramai 100 keluarga pendudok Sungai Ramal Kajang telah membuat tiga rayuan kapada Menteri Besar Selangor Inche' Harun bin Haji Idris untuk mendapatkan kemudahan2 dari Pembangunan Luar Bandar.

Rayuan ini telah di-sampaikan oleh wakil kampung ini Tuan Haji Mohd. Zin bin Tamar ketika Menteri Besar Selangor itu merasmikan Sekolah Kebangsaan Sungai Ramal Dalam yang di-bena dengan harga sa-banyak \$50,000 pada hari Thalatha 27 May baharu2 ini.

Masjid

Tuan Haji Mohd Zin telah merayu kapada Menteri Besar supaya kerajaan

Information ^

Newspaper:
Berita HarianDate:
30 May 1964Reel Number:
NL4340Share [Email](#) [Print](#) [Facebook](#) [Twitter](#) [LinkedIn](#)

Table of Contents ^



dapat membina sa-buah masjid, sa-batang jalan raya sa-jauh sa-batu dan memasokkan lampu elekterik di-kampong ini.

Menurut keterangan yang di-berikan oleh Tuan Haji Mohd Zin bahawa kampong ini ada mempunyai sa-rasmal 100 kelamin penduduk yang sukar hendak menuaikan sembahyang Juma'at kerana surau yang ada sekarang terlalu sempit.

Untuk memberikan kemudahan2 kapada orang2 kampong ini beliau berharap Kerajaan Selangor dapat mendirikan sa-buah masjid dari Ranchangan Pengbangunan Luar Bandar, seperti yang telah didapati oleh penduduk2 kampong yang lain di-deraht ini.

Kesukaran

Tuan Haji Mohd Zin juga telah menerangkan kepada Inche' Harun Haji Idris tentang kesukaran kanak2 sekolah di-kampong ini kerana jalan yang ada ka-kampong ini tersangat buruk dan lekak lekok.

Menurut Tuan Haji Mohd Zin lagi oleh kerana jalan rosak maka bus yang membawa budak2 sekolah tidak dapat masuk ka-kampong ini. Kanak2 sekolah terpaksa menonggang basikal untuk pergi ka-sekolah.

Penduduk2 kampong ini juga telah meminta bekalan lampu letrik di-sambong ka-kampong ini.

Related Articles



No related article found.

National Library Board

Contact Us Feedback FAQ



Report Vulnerability Terms of Use Linking Disclaimer Privacy Statement Takedown Policy

©2023 Government of Singapore
Last Updated 2019-10-29